



KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



GARIS PANDUAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA



KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | | |
|-----|---|----|
| 1. | Pengenalan | 5 |
| 2. | Objektif | 6 |
| 3. | Kategori Program Pengalaman Homestay Malaysia | 8 |
| 4. | Garis Panduan Pendaftaran | 10 |
| 5. | Piagam Kelulusan Permohonan Pendaftaran | 13 |
| 6. | Sijil Pendaftaran | 13 |
| 7. | Tadbir urus Pengurusan Kluster Homestay | 16 |
| 8. | Tanggungjawab Pengusaha Program | 16 |
| 9. | Pemeriksaan Semula | 16 |
| 10. | Exit Policy | 18 |
| 11. | Surat Menyurat | 18 |
| 12. | Tarikh Kuatkuasa | 18 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|----|--|------------|
| 1. | Definisi Luar Bandar | LAMPIRAN A |
| 2. | Borang Permohonan Pendaftaran Program Homestay | LAMPIRAN B |
| 3. | Carta Alir Proses Pendaftaran Program Homestay | LAMPIRAN C |
| 4. | Borang Permohonan Pendaftaran Kampungstay | LAMPIRAN D |
| 5. | Carta Alir Proses Pendaftaran Kampungstay | LAMPIRAN E |
| 6. | Borang Kajian Kepuasan Pelanggan | LAMPIRAN F |
| 7. | Terma Rujukan Exit Policy | LAMPIRAN G |
| 8. | Senarai Pejabat MOTAC Negeri | LAMPIRAN H |

1. PENGENALAN

- 1.1. Program Pengalaman Homestay Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang. Program ini merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan.
- 1.2. Program Pengalaman Homestay Malaysia merupakan satu program pengalaman di mana di bawah program ini, perkhidmatan yang ditawarkan tidak terhad kepada perkhidmatan lojing sahaja seperti premis penginapan pelancongan. Melalui program ini, pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha homestay (kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional) yang telah berdaftar dengan MOTAC, menjalani gaya hidup seharian masyarakat Malaysia dan turut serta dalam aktiviti pelancongan berasaskan komuniti (*community based tourism*) seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, merewang, perayaan, belajar tarian, memasak dan sebagainya. Konsep utama yang ditekankan bagi program ini adalah lebih kepada *experiential tourism* dan *community based tourism*.
- 1.3. Penyertaan adalah secara sukarela bagi mereka yang berminat melibatkan kategori berikut:
 - i. komuniti luar bandar; dan
 - ii. individu setempat untuk bergabung bersama komuniti homestay (inap desa) berdaftar yang terdekat.
- 1.4. Individu yang berminat ditakrifkan sebagai orang perseorangan yang perlu mempunyai produk pelancongan, kebudayaan serta premis penginapan pelancongan yang boleh ditawarkan kepada pelancong.
- 1.5. Selaras dengan perkembangan dan trend industri pelancongan global, Kementerian telah memperluaskan konsep Program Pengalaman Homestay Malaysia kepada konsep Kampungstay yang merupakan satu bentuk pengalaman di mana para pelancong disediakan dengan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama dengan tuan rumah. Para pelancong masih berpeluang untuk berinteraksi serta mengikuti aktiviti seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Rumah yang disediakan tersebut dilengkapi dengan kemudahan asas untuk keselesaan pelancong dan bercirikan kehidupan masyarakat kampung.

2. OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan Program Pengalaman Homestay Malaysia adalah seperti berikut:

2.1 Komuniti Kampung / Individu setempat

- 2.1.1 Meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar dan di zon pelancongan;
- 2.1.2 Melahirkan usahawan industri kecil dan sederhana dalam bidang pelancongan dan kebudayaan;
- 2.1.3 Memperkasakan *community based tourism* (CBT);
- 2.1.4 Mengekalkan identiti dan warisan komuniti; dan
- 2.1.5 Meningkatkan kualiti usahasama dengan pihak swasta dan awam.

2.2 Para Pelancong

- 2.2.1 Merasai keunikan gaya hidup dan budaya masyarakat Malaysia;
- 2.2.2 Meraikan perbezaan adat dan budaya;
- 2.2.3 Menggalakkan *networking* di antara pelancong dan pengusaha Homestay;
- 2.2.4 Mempelbagaikan pilihan penginapan kepada para pelancong tempatan dan antarabangsa yang datang dari pelbagai latar belakang; dan
- 2.2.5 Menggalakkan pelancong berbelanja produk tempatan.



2.3 Para Pelajar / Belia

- 2.3.1 Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar mengenai industri homestay, konsep homestay dan mempelajari kehidupan serta budaya masyarakat kampung khususnya;
- 2.3.2 Menimbulkan minat pelajar untuk menjadi usahawan dalam industri homestay (inap desa);
- 2.3.3 Menggalakkan sifat mencintai alam semulajadi; dan
- 2.3.4 Menimbulkan minat dalam kalangan pelajar untuk menjadikan industri homestay (inap desa) sebagai salah satu sumber pendapatan.

2.4 Negara

- 2.4.1 Meningkatkan pendapatan ekonomi negara;
- 2.4.2 Menaikkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu destinasi *experiential tourism* terunggul;
- 2.4.3 Menjadikan Malaysia sebagai peneraju CBT di kalangan negara ASEAN; dan
- 2.4.4 Memulihara dan memartabat khazanah warisan melalui pelbagai aktiviti kebudayaan yang diperkenalkan.



3. KATEGORI PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

Terdapat dua (2) jenis kategori dibawah Program Pengalaman Homestay Malaysia iaitu:

3.1 Kategori Homestay ditakrifkan sebagai premis penginapan di mana pelancong atau pengunjung tinggal bersama-sama pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia atau seperti jenis berikut:

3.1.1 *Annex Homestay* – Laluan keluar masuk ke premis penginapan pelancong atau pengunjung adalah berasingan daripada laluan masuk kediaman tuan rumah walaupun ia adalah unit rumah yang sama.

3.2 Kategori Kampungstay ditakrifkan sebagai premis penginapan yang berasingan (*non-detached*) dan terletak berhampiran serta di kawasan yang berdekatan / dalam kampung yang sama / dalam rangkaian yang sama / liputan yang sama dengan premis penginapan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia seperti berikut:

3.2.1 *Guest Kampungstay* – Premis penginapan yang disediakan untuk pelancong atau pengunjung yang terletak dalam kawasan yang sama atau berhampiran dengan premis penginapan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia.

3.2.2 *Chalet Kampungstay* – Premis penginapan yang disediakan untuk pelancong atau pengunjung yang mempunyai tarikan eko pelancongan seperti sungai, air terjun dan pantai yang dibina di kawasan yang terletak dalam kawasan yang sama atau berhampiran dengan premis penginapan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia.

3.2.3 *Farm/Agro Kampungstay* – Premis penginapan yang disediakan untuk pelancong atau pengunjung di kawasan yang mempunyai tarikan eko pelancongan seperti dusun buah-buahan, *agro based tourism* dan ladang ternakan yang dibina dan terletak

dalam kawasan yang sama atau berhampiran dengan premis penginapan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia.

3.2.4 Inovatif Kampungstay – Premis penginapan yang disediakan untuk pelancong atau pengunjung yang dibina menggunakan kontena, iglu, khemah dan lain-lain yang terletak dalam kawasan yang sama atau berhampiran dengan premis penginapan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia.

**berhampiran – dalam radius dengan mana-mana pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia.*



4. GARIS PANDUAN PENDAFTARAN

4.1 Syarat Asas Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia:

4.1.1 Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia sahaja;

4.1.2 Berkeluarga dan menetap di suatu kediaman di luar bandar mengikut takrifan seperti di **LAMPIRAN A**;

4.1.3 Radius pendaftaran secara kluster/individu bagi homestay (inap desa) mesti dalam lingkungan 10km di Semenanjung Malaysia dan 50km bagi Sabah dan Sarawak dari pusat aktiviti;

**kluster ditakrifkan sebagai komuniti homestay (inap desa).*



4.1.4 Minimum pendaftaran secara kluster adalah sepuluh (10) orang pengusaha bagi Semenanjung Malaysia, dan lima (5) orang pengusaha bagi Sabah, Sarawak dan Labuan untuk mewujudkan *community based tourism*



4.1.5 Jumlah bilik bagi seorang pengusaha dihadkan kepada lima (5) buah bilik sahaja bagi homestay (inap desa) dan sepuluh (10) buah bilik bagi Kampungstay;

4.1.6 Mempunyai produk tarikan pelancongan sebagai aktiviti kepada pelancong;

4.1.7 Menawarkan aktiviti masyarakat setempat dan melibatkan pelancong dalam aktiviti-aktiviti seharian masyarakat Malaysia seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, merewang, perayaan, belajar tarian, memasak dan sebagainya;

4.1.8 Premis yang terletak di kawasan taman perumahan atau premis *airbnb* tidak layak memohon;

- 
- 
- 4.1.9 Pengusaha digalakkan untuk mengambil suntikan *anti-thyphoid* bagi tujuan penyediaan makanan kepada tetamu;
 - 4.1.10 Mempunyai jaringan kemudahan dari segi perhubungan dan pengangkutan;
 - 4.1.11 Menjaga tahap kebersihan premis penginapan dan kawasan persekitaran;
 - 4.1.12 Menjaga keselamatan pelancong setiap masa;
 - 4.1.13 Digalakkan mengambil insurans berkelompok untuk pelancong; dan
 - 4.1.14 Kluster homestay (inap desa) digalakkan untuk menubuhkan koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan digalakkan untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.2 Syarat Asas Pendaftaran Program Kampungstay:
- 4.2.1 Pemohon merupakan peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia yang telah berdaftar dengan MOTAC.
 - 4.2.2 Setiap permohonan pendaftaran hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) buah bilik penginapan.
- 4.3 Tatacara Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia:
- 4.3.1 Pemohon perlu menghantar dokumen berikut ke Pejabat MOTAC Negeri berdekatan bagi tujuan pendaftaran;
 - a) Borang Permohonan Pendaftaran Homestay yang telah lengkap diisi seperti di **LAMPIRAN B**; dan

- 
- 
- b) Profil kampung (bagi permohonan secara kluster) dan profil individu beserta persetujuan kluster homestay (bagi permohonan individu).
- 4.3.2 MOTAC Negeri bersama panel pemeriksa yang dilantik akan melaksanakan pemeriksaan ke kediaman / penginapan / aktiviti pelancongan yang akan ditawarkan di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- 4.3.3 Keputusan pemeriksaan akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh tiga (3) hari bekerja;
- 4.3.4 Pemohon yang telah lulus pemeriksaan perlu menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) atau MOTAC Negeri; dan
- 4.3.5 Satu salinan sijil penyertaan Kursus Asas Homestay perlu dikemukakan ke MOTAC Negeri untuk proses pendaftaran.
- 4.3.6 Carta alir proses pendaftaran program Pengalaman Homestay Malaysia seperti di **LAMPIRAN C**.
- 4.4 Tatacara Pendaftaran Program Kampungstay:
- 4.4.1 Pemohon perlu menghantar dokumen berikut ke Pejabat MOTAC Negeri berdekatan bagi tujuan pendaftaran:
- a) Salinan Kad Pengenalan;
 - b) Borang Pendaftaran Program Kampungstay seperti di **LAMPIRAN D**;
 - c) Salinan Sijil Pendaftaran Peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia; dan

d) Gambar-gambar terkini Kampungstay (luar dan dalam premis).

4.4.2 MOTAC Negeri bersama panel pemeriksa yang dilantik akan melaksanakan pemeriksaan ke kediaman / penginapan / aktiviti pelancongan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;

4.4.3 Keputusan pemeriksaan akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh tiga (3) hari bekerja;

4.4.4 Carta alir proses pendaftaran Kampungstay seperti di **LAMPIRAN E**.

5. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

6. SIJIL PENDAFTARAN

6.1 Sijil pendaftaran dan nombor pendaftaran keahlian Program Pengalaman Homestay Malaysia akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan.

6.2 Sijil pendaftaran hanya dikeluarkan oleh MOTAC dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

6.3 Plak Program Pengalaman Homestay Malaysia akan diberikan dan pengusaha hendaklah mempamerkan ditempat yang mudah dilihat oleh tetamu bagi menggunakan kod QR.

7. TADBIR URUS PENGURUSAN KLUSTER HOMESTAY

7.1 Kepimpinan

7.1.1 Organisasi homestay (inap desa) dipimpin oleh ketua setempat yang mempunyai personaliti

kepemimpinan seperti mempunyai wawasan yang jelas, nilai pekerti yang baik dan memiliki daya kekuatan dari segi fizikal dan mental yang kuat serta dihormati oleh masyarakat setempat. Contoh: Ketua Kampung

7.2 Pentadbiran Organisasi

7.2.1 Organisasi homestay (inap desa) mestilah mempunyai struktur yang sistematik dengan peranan, tanggungjawab dan komunikasi yang jelas.

7.2.2 Organisasi melaksanakan pentadbiran dengan melibatkan pemerksaan wanita dan belia tempatan

7.3 Pangkalan Data

7.3.1 Pangkalan Data Pengusaha Homestay (inap desa)

a) Membentuk pangkalan data pengusaha homestay (inap desa) yang mengandungi maklumat seperti alamat rumah, bilangan ahli keluarga dan data bagi bakat, pengetahuan atau kemahiran khas.

7.3.2 Pangkalan Data Pelancong

a) Mewujudkan sistem tempahan dan pendaftaran untuk mencatat data mengenai kedatangan tetamu seperti negara asal dan tempoh penginapan dan lain-lain.

b) Mewujudkan pangkalan data pelancong yang merekodkan cadangan dan aduan dari pelancong seperti Kajian Kepuasan Pelanggan di **LAMPIRAN F**.

7.3.3 Pangkalan Data Produk Pelancongan

- a) Mewujudkan dan mengemas kini inventori sumber pelancongan yang ada di kampung dan di kawasan berdekatan/sekitarnya.

7.4 Pembangunan Modal Insan

7.4.1 Organisasi homestay (inap desa) perlu mengenalpasti program kemahiran atau latihan yang diperlukan merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) Panduan menyambut tetamu;
- b) Pendaftaran, *billing* dan pembayaran;
- c) Panduan kebersihan dan keselamatan;
- d) Kemahiran berkomunikasi;
- e) Pengurusan acara;
- f) Pemasaran dan promosi;
- g) Pembangunan Pakej Aktiviti dan
- h) *Story telling*.

7.5 Kerjasama Pintar

Organisasi homestay (inap desa) digalakkan menjalin kerjasama dan perkongsian pintar dengan:

7.5.1 Homestay (inap desa) dan agensi swasta lain terutamanya pengusaha pelancongan dan pengusaha hotel untuk membangunkan pakej dan meningkatkan aktiviti promosi.

7.5.2 Agensi awam, organisasi pelancongan tempatan dan antarabangsa untuk mendapatkan bantuan dari segi latihan, pembiayaan, pemasaran dan promosi serta lain-lain nasihat teknikal.

- 7.5.3 Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memperluaskan program dalam pemeliharaan alam sekitar dan pemuliharaan budaya.
- 7.5.4 Universiti dan institusi pengajian tinggi awam / swasta digalakkan untuk berkolaborasi dalam pembangunan latihan dan mendapatkan khidmat nasihat teknikal.

8. TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA PROGRAM

Pengusaha program perlu menghantar laporan kepada MOTAC Negeri yang dikumpulkan secara kluster bagi perkara berikut:

- 8.1 Data laporan kedatangan pelancong secara bulanan;
- 8.2 Data laporan pendapatan program secara bulanan; dan
- 8.3 Mengemaskini data maklumat peserta (berdasarkan keperluan).

9. PEMERIKSAAN SEMULA

Pemeriksaan rumah akan dilaksanakan setiap 3 tahun sekali oleh MOTAC. Pelaksanaan pemeriksaan rumah bertujuan:

- 9.1 Pengemaskinian data peserta program seperti pertukaran nama peserta, alamat, kematian, penarikan secara sukarela;
- 9.2 Semakan kepada pematuhan di dalam garis panduan program; dan
- 9.3 Berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.

10. EXIT POLICY

10.1 Pendaftaran sebagai peserta program boleh dibatalkan dan digugurkan mengikut pelaksanaan *Exit Policy* Program Pengalaman Homestay Malaysia dan Kampungstay yang meliputi perkara berikut:

- a) Gagal mematuhi Garis Panduan Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia dan Kampungstay yang telah ditetapkan;
- b) Telah melanggar syarat-syarat Garis Panduan Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia dan Kampungstay;
- c) Tidak melaporkan jumlah pelancong dan pendapatan kepada MOTAC Negeri untuk tempoh 1 tahun;
- d) Tiada pendapatan/kedatangan pelancong dan aktiviti Program Pengalaman Homestay Malaysia untuk tempoh 1 tahun;
- e) Menjalankan aktiviti homestay (inap desa) mengikut cara yang boleh memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara;
- f) Mengemukakan maklumat palsu semasa permohonan pendaftaran;
- g) Tidak berminat dan secara sukarela untuk keluar dari Program Pengalaman Homestay; dan
- h) Dikenakan tindakan undang-undang.

10.2 Proses bagi pembatalan sebagai Pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia akan dilaksanakan berdasarkan perkara seperti berikut:

10.2.1 **Pelanggaran kepada pematuhan syarat program**

MOTAC akan mengemukakan 3 kali surat peringatan (berdaftar) kepada pengusaha homestay (inap desa) dan memberikan tempoh 14 hari (waktu bekerja) untuk mengemukakan surat tunjuk sebab.

10.2.2 **Penarikan penyertaan secara sukarela**

Pengusaha Homestay (inap desa) mengeluarkan pemakluman penarikan penyertaan kepada MOTAC Negeri secara rasmi melalui surat/email.

10.3 Sebarang pelanggaran kepada pematuhan syarat program atau secara sukarela akan diusulkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal kepada Jawatankuasa Kerja *Exit Policy*. Terma Rujukan Mesyuarat seperti di **LAMPIRAN G**.

10.4 Pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia yang telah dibatalkan penyertaannya dikehendaki menanggalkan dan memulangkan plak Program Pengalaman Homestay Malaysia atau Kampungstay dalam tempoh 14 hari bekerja ke MOTAC Negeri yang berdekatan.

11. SURAT MENYURAT

Borang dan dokumen permohonan Program Pengalaman Homestay Malaysia hendaklah dihantar ke Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mengikut Negeri masing-masing seperti di **LAMPIRAN H**.

12. TARIKH KUATKUASA

November 2021

Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Catatan : Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa

DEFINISI LUAR BANDAR

Homestay (inap desa) hendaklah berada di kawasan desa yang merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan penempatan yang meliputi semua jenis kampung, penempatan kecil dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi.

Kawasan desa adalah meliputi semua jenis kampung, penempatan kecil yang tinggal secara berkelompok, sejajar dan bertaburan seperti kampung tradisi, kampung FELDA, kampung FELCRA, kampung orang asli, penempatan ladang dan kampung-kampung baru.

Ciri ciri kawasan desa adalah meliputi kawasan petempatan yang mempunyai:


- i. Corak petempatan sama ada berkelompok, berpusat, berjajar atau berselerak;
- ii. Asas ekonomi desa berasaskan kepada aktiviti pertanian, perikanan, industri desa dan produk semulajadi; dan
- iii. Aktiviti sosial budaya desa termasuk organisasi/jawatankuasa desa, institusi kekeluargaan, aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 20



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA**

**BORANG PENDAFTARAN PROGRAM
PENGALAMAN
HOMESTAY MALAYSIA**



A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

- 1. Nama:
- 2. No. K/P :
- 3. Umur :
- 3. Agama:
- 4. Keturunan:.....
- 5. Bahasa Pertuturan:.....
- 6. Alamat Rumah:.....
.....
- 7. No. Tel:..... Tel. Bimbit:.....
- 8. Email :
- 9. Kegiatan Ekonomi

Petani Penoreh Getah Nelayan Peneroka
Felda

Lain-lain (sila nyatakan)

.....

B. MAKLUMAT KELUARGA

1. Nama Isteri/Suami:.....
2. Umur:.....
3. Bilangan Keluarga yang tinggal Bersama:.....
4. Umur di antara tahun hingga tahun

C. MAKLUMAT RUMAH

1. Bandar/Pekan terdekat:.....
Jarak:.....km

2. Kemudahan Pengangkutan:

Bas

Taksi

Keretapi

Lain-lain (Nyatakan):.....

3. Jenis Rumah:

Papan

Batu

Papan & Batu

4. Bilangan Bilik:

5. Jumlah bilik untuk pelancong:

6. Kemudahan asas yang disediakan:

Meja tulis

Alat hawa
dingin

kipas

TV/
Radio

First-aid kit

Katil

Tandas

Jenis Tandas:

Lain-lain kemudahan (Nyatakan):
.....



D. MAKLUMAT MENGENAI HUBUNGAN DENGAN AGENSI PELANCONGAN

Adakah tuan/puan mempunyai hubungan dengan mana-mana agensi pelancongan? Jika ada, sila nyatakan nama, alamat syarikat tersebut:

.....
.....
.....

E. TARIKAN/AKTIVITI PELANCONGAN YANG BERDEKATAN

- | | |
|----------------------------|----------------|
| 1. Tempat bersejarah | Sila Nyatakan: |
| 2. Tempat rekreasi | Sila Nyatakan: |
| 3. Tarikan semulajadi | Sila Nyatakan: |
| 4. Acara/Pesta Pelancongan | Sila Nyatakan: |
| 5. Kegiatan Kebudayaan | Sila Nyatakan: |
| 6. Pertubuhan Kebudayaan | Sila Nyatakan: |
| 7. Lain-lain | Sila Nyatakan: |

F. PENGAKUAN

Saya.....

No. KP.....**dengan sesungguhnya mengaku bahawa:**

1. Saya dan keluarga adalah:
 - a. bebas daripada penyakit berjangkit seperti batuk kering (tuberculosis), penyakit kusta, AIDS, siplis dan sebagainya.
 - b. bebas daripada tindakan Mahkamah yang berkaitan dengan jenayah- jenayah seperti rompakan, mencuri dan sebagainya.

2. Kenyataan yang terkandung di dalam borang permohonan ini dan dokumen- dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan pendapat saya.
3. Saya telah membaca serta memahami dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan seperti yang terkandung di dalam garis panduan ini. Kementerian Pelancongan Malaysia berhak untuk membatalkan pendaftaran saya jika didapati melanggar syarat-syarat yang dimaksudkan.

Ditandatangani dan dibuat pengakuan oleh saya yang tersebut diatas:

| | | |
|---------------------------|--------------------|--------|
| Tandatangan Pembuat Akuan | No. Kad Pengenalan | Tarikh |
| | | |

| | | |
|---------------------|--------------------|--------|
| Tandatangan Saksi** | No. Kad Pengenalan | Tarikh |
| | | |


Nama dan alamat saksi

.....

.....

| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | | |
|---|---------|---------|
| No. Fail Rujukan: | Negeri: | Daerah: |
| Telah menghadiri Kursus Asas Homestay pada: | | |
| Telah menjalani pemeriksaan rumah pada: | | |
| Catatan:..... | | |
| PERMOHONAN INI DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN | | |

Carta alir bagi proses pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia



CATATAN:

Pemeriksaan semula homestay dilaksanakan setiap 3 tahun sekali



KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

**BORANG PENDAFTARAN PROGRAM PENGALAMAN
HOMESTAY MALAYSIA**



**GAMBAR
PASPORT**

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Penuh (Sila gunakan huruf besar):

2. Alamat Penuh:

3. No. K/P:

4. No. Tel / Telefon Bimbit :Email:.....

5. Laman web/FB/IG:

6. Status Pemohon dalam Homestay : Aktif / Tidak Aktif

7. Nama Homestay Berdaftar dengan MOTAC :

.....

* Mohon sertakan salinan sijil pendaftaran peserta Program Homestay.

MAKLUMAT BILIK PENGINAPAN KAMPUNGSTAY

| Bil. | Jenis Bilik (single/twin sharing/ dormitory) | Jumlah Bilangan katil | Kemudahan Tandas | | Kemudahan asayang disediakan dalam bilik (sila nyatakan) |
|------|--|-----------------------------|------------------|------------|---|
| | | | Attached | Berasingan | |
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |
| 3 | | | | | |
| 4 | | | | | |
| 5 | | | | | |
| 6 | | | | | |
| 7 | | | | | |
| 8 | | | | | |
| 9 | | | | | |
| 10 | | | | | |

B. KEMUDAHAN & PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN DALAM KAMPUNGSTAY :

| Kemudahan | Sila Tandakan (√ atau X) | catatan |
|---------------------------|-------------------------------------|----------------|
| Ruang tamu | | |
| Alat hawa dingin | | |
| Kipas | | |
| TV | | |
| First-aid kit | | |
| Pemadam Api | | |
| WiFi | | |
| Dapur | | |
| Petunjuk Arah Kiblat | | |
| Kaunter Pendaftaran Masuk | | |

*** Mohon sertakan gambar setiap bilik, kawasan luar, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kampungstay.**

C. MAKLUMAT MENGENAI HUBUNGAN DENGAN AGENSI PELANCONGAN

Adakah tuan/puan mempunyai hubungan dengan mana-mana agensi pelancongan? Jika ada, sila nyatakan nama, alamat syarikat tersebut:

.....
.....


D. TARIKAN/AKTIVITI HOMESTAY YANG DI PAKEJKAN DENGAN KAMPUNGSTAY TERLIBAT:

| | | |
|-------------------------|----------------------|----------------|
| Tempat bersejarah | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Tempat rekreasi | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Tarikan semulajadi | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Acara/Pesta Pelancongan | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Kegiatan Kebudayaan | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Pertubuhan Kebudayaan | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |
| Lain-lain | <input type="text"/> | Sila Nyatakan: |

E. PENGAKUAN

Saya.....
No. KP.....dengan sesungguhnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah:
 - a. bebas daripada penyakit berjangkit seperti batuk kering (tuberculosis), penyakit kusta, AIDS, Siplis dan sebagainya.
 - b. bebas daripada tindakan mahkamah yang berkaitan dengan jenayah-jenayah seperti rompakan, mencuri dan sebagainya.

- 
2. Kenyataan yang terkandung di dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan pendapat saya.
 3. Saya telah membaca serta memahami dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan seperti yang terkandung di dalam garis panduan ini. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia berhak untuk membatalkan pendaftaran saya jika didapati melanggar syarat-syarat yang dimaksudkan.

Ditandatangani dan dibuat pengakuan oleh saya yang tersebut di atas:

Tandatangan Pemohon

No. Kad Pengenalan


Tarikh

.....

.....

.....

Carta alir bagi proses pendaftaran Program Kampungstay



CATATAN:

Pemeriksaan semula homestay dilaksanakan setiap 3 tahun sekali



LAMPIRAN F

CUSTOMER SATISFACTION SURVEY

Dear Guest,

Welcome to Malaysia and thank you for choosing our Malaysia Homestay Experience Program as your holiday experience. We would appreciate if you could share your views on your holiday at our homestay.

Name : _____ Age: _____
 Gender: _____ Country of origin: _____
 Email: _____ Mobile: _____
 Homestay Venue: _____ Date: _____

Please share your views according to your experience at our homestay.

A. SERVICES

| | | Very Poor | Poor | Moderate | Good | Excellent |
|----|------------------------|-----------|------|----------|------|-----------|
| 1. | Efficiency of host | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. | Courtesy & helpfulness | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. | Communication | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. | Food & Beverage | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. | Package / Activities | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

B. FACILITIES

| | | Very Poor | Poor | Moderate | Good | Excellent |
|----|----------------------|-----------|------|----------|------|-----------|
| 1. | Accommodation / Room | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. | Accessibility | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. | Cleanliness | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. | Safety and security | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

C. PROMOTIONS: I know about Malaysia Homestay Experience from:

| | | | |
|--------------------------|--------------------|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Internet / Website | <input type="checkbox"/> | Social Network: Facebook / Twitter / Instagram |
| <input type="checkbox"/> | Mobile: SMS/MMS | <input type="checkbox"/> | Brochure / Billboard / Newspaper |
| <input type="checkbox"/> | Radio / TV | <input type="checkbox"/> | Travel Agency |
| <input type="checkbox"/> | Family / Friends | <input type="checkbox"/> | Others, please specify: _____ |

**D. OVERALL
YES NO**

- Would you come again to our homestay?
- Would you recommend our homestay to others?
- Did you encounter any problem during your stay?
If yes, please specify
- Suggestions to improve our homestay experience:
.....

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Tetamu yang dihormati,

Selamat datang ke Malaysia, terima kasih kerana telah memilih Program Pengalaman Homestay Malaysia sebagai destinasi percutian pengalaman anda. Kami amat menghargai sekiranya anda dapat berkongsi pandangan mengenai percutian anda di Homestay/Kampungstay.

Nama : _____ Umur: _____
 Jantina: _____ Negeri Asal: _____
 Email : _____ Telefon (h/p): _____
 Lokasi Homestay: _____ Tarikh: _____

Sila berkongsi pandangan mengenai percutian pengalaman anda di Homestay/Kampungstay.

A. PERKHIDMATAN

| | | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Memuaskan | Baik | Sangat Baik |
|---|--------------------|-----------------|------------------|-----------|------|-------------|
| 1 | Layanan Tuan Rumah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Kesopanan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Komunikasi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Makanan & Minuman | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Pakej / Aktiviti | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

B. KEMUDAHAN

| | | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Memuaskan | Baik | Sangat Baik |
|---|------------------------|-----------------|------------------|-----------|------|-------------|
| 1 | Tempat Tinggal / Bilik | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Kemudahsampaian | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Kebersihan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Keselamatan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

C. PROMOSI : Saya mengetahui mengenai Program Pengalaman Homestay Malaysia melalui:

| | | | |
|--------------------------|----------------------|--------------------------|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> | Internet / Laman Web | <input type="checkbox"/> | Rangkaian Sosial: Facebook / Twitter |
| <input type="checkbox"/> | Mobil : SMS/MMS | <input type="checkbox"/> | Broshur / Billboard / Surat Khabar |
| <input type="checkbox"/> | Radio / TV | <input type="checkbox"/> | Agensi Pelancongan |
| <input type="checkbox"/> | Keluarga / Sahabat | <input type="checkbox"/> | Lain-lain, sila nyatakan: _____ |

D. KESELURUHAN YA TIDAK

- Adakah anda akan berkunjung lagi ke Homestay?
- Adakah anda akan memperkenalkan Homestay ini kepada yang lain?
- Adakah anda berhadapan dengan masalah sepanjang menginap di Homestay?
Jika ya, sila nyatakan
- Cadangan untuk meningkatkan pengalaman Homestay/ Kampungstay.....

TERMA RUJUKAN MESYUARAT EXIT POLICY
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

1. MESYUARAT

a) JAWATANKUASA TEKNIKAL *EXIT POLICY*

1. Objektif


- a) Mengesyorkan pengguguran atau pengekalan pendaftaran homestay/kampungstay kepada Jawatankuasa Kerja;
- b) Menjalankan sesi *engagement, mentoring, coaching* bersama homestay (inap desa);
- c) Menyelaras *Mobile Advisory Unit* (MAU) di Negeri;
- d) Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan homestay (inap desa) atau kampungstay di Negeri; dan
- e) Membincangkan hal-hal lain berkaitan homestay (inap desa) di Negeri.

2. Keahlian mesyuarat

Pengerusi: Pengarah MOTAC Negeri

Ahli-ahli :

- Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS) / Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak

- 
- (MTACYS) (jika berkaitan)
 - Tourism Malaysia Negeri
 - Tourism Negeri/ Sabah Tourism Board/ Sarawak Tourism Board (jika berkaitan)
 - Jabatan Kesihatan Daerah
 - Pejabat Daerah homestay (jika berkaitan)
 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (jika berkaitan)
 - Pengerusi Persatuan Homestay Negeri
 - Penyelaras homestay-homestay Negeri
 - Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)

Keurusetiaan mesyuarat: Unit Pembangunan Industri, MOTAC Negeri.

b) JAWATANKUASA KERJA *EXIT POLICY*

i. Objektif

- a) Memutuskan keputusan pengguguran atau pengekalan pendaftaran homestay (inap desa) / kampungstay; dan
- b) Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan homestay (inap desa) / kampungstay.

ii. Keahlian mesyuarat

Pengerusi: Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Ahli-ahli :

- Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) – Pengerusi Ganti
- Bahagian Pembangunan Industri
- Bahagian Dasar Pelancongan & Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pelesenan
- MOTAC Negeri yang berkaitan
- Tourism Malaysia

- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (jika berkaitan)
- INFRA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (jika berkaitan)
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (jika berkaitan)
- Persatuan Pengusaha Homestay Malaysia
- Persatuan Kampungstay dan Homestay Malaysia

Keurusetiaan mesyuarat : Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC

2. Carta Keahlian Mesyuarat

Seperti di **Lampiran A (i)**.

3. Kekerapan Mesyuarat

Bergantung kepada keperluan.

4. Piagam Pelanggan

Surat pemakluman akan dikeluarkan Urusetia Peringkat Jawatankuasa Kerja *Exit Policy* :

- a) Kepada MOTAC Negeri dalam tempoh 7 hari bekerja selepas mesyuarat bersidang; dan
- b) MOTAC Negeri kepada penyelaras homestay (inap desa) / kampungstay tempoh 7 hari bekerja selepas menerima surat daripada urusetia.


5. Minit mesyuarat

- a) Sesalinan minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal perlu dihantar kepada Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; dan
- b) Mengemukakan laporan, syor dan cadangan *exit policy*.


6. Carta Alir Proses Kerja *Exit Policy*

Seperti di **Lampiran A (ii)**.

**CARTA KEAHLIAN MESYUARAT TEKNIKAL *EXIT POLICY*
PENDAFTARAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA DAN
KAMPUNGSTAY**



CARTA KEAHLIAN MESYUARAT KERJA *EXIT POLICY* PENDAFTARAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA DAN KAMPUNGSTAY




CARTA ALIR PROSES KERJA JAWATANKUASA TEKNIKAL EXIT POLICY



CATATAN:

MOTAC Negeri dimohon untuk mengemukakan laporan dan minit mesyuarat kepada urusetia Mesyuarat Jawatankuasa *Exit Policy*

CARTA ALIR PROSES JAWATANKUASA KERJA *EXIT POLICY*



CATATAN:

MOTAC Negeri dimohon untuk mengemukakan surat pemacluman kepada penyelaras homestay.

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perlis

No.51 & 53, Persiaran Putra Timur
02000 KUALA PERLIS

PERLIS

Tel : 04-985 3701

Faks : 04-985 2373

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kedah

Kompleks Pelancongan Negeri Kedah
Seksyen 20, Jalan Raja
05000 ALOR SETAR

KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-735 1030 / 732 8296 / 730 8794

Faks : 04-732 7914 / 04-732 7614

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang

No.11 Lebuhraya Pantai,
10300 George Town

PULAU PINANG

Tel: 04-2620202

Faks: 04-2631020

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perak

No.7 & 9, Jalan Medan Istana 3, Bandar Ipoh Raya
30000 IPOH

PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-255 0413 / 05-255 0414

Faks : 05-253 6027

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Selangor

Aras 15-03, Wisma Sunwaymas
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
Seksyen 9
40000 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5511 1122 / 5510 8816
Faks : 03-5513 1199 / 5513 1399

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka

Aras 1, Kompleks Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Lebuh Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel : 06-231 8200
Faks : 06-231 1400

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sembilan

No.19, Jalan Durian Emas 3
Betaria Business Complex
Jalan Dato' Siamang Gagap
70400 SEREMBAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-765 9870 / 9871 / 9869 / 9818
Faks : 06-762 8540

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor

Aras 2 Kiri, Wisma PERKESO
Jalan Susur 5 Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru

JOHOR DARUL TAKZIM

Telefon : 07- 2233 171
Faks : 07- 2263 171



Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kelantan

Kampung Kraf tangan, Jalan Hilir Balai
15300 KOTA BHARU

KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09-741 2400

Faks : 09-744 6672

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu

Lot 5116 & 5117 (Hadapan Istana)
Jalan Masjid Abidin

20100 KUALA TERENGGANU

TERENGGANU DARUL IMAN

Tel: 09-626 2946 / 4946 /631 8840 /8839

Faks : 09-626 1946

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pahang

B 8006, Tingkat 1-3
Seri Kuantan Square

Jalan Teluk Sisek

25000 KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-517 1111/09-517 1112

Faks : 09-514 6900

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak

Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar

Jalan Simpang Tiga

93300 KUCHING

SARAWAK

Tel : 082-235 033

Faks : 082-234 010

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sabah

Lot 2-5-8,9,10,11 dan 24
Tingkat 4, Wisma San Hin Wawasan Plaza
Lorong Wawasan Plaza
88000 KOTA KINABALU

SABAH

Tel : 088-269 711/712/710
Faks : 088-269 713

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia WP Labuan

Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
Peti Surat 80753

87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Tel : 087-422 600
Faks : 087-419 622



NO SMOKING
DILARANG MEROKA

WELCOME TO
Landing
WATCH
ST



mymotac | www.motac.gov.my



CATATAN





   mymotac | www.motac.gov.my

